

13 AUG 1997

Mahathir-Kebersihan

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT MALAYSIA UTAMAKAN KEBERSIHAN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia terutama pengendali makanan supaya menjaga kebersihan bagi memastikan standard kesihatan di negara ini tidak tercemar semasa Sukan Komanwel di negara ini tahun depan.

"Berikutan Sukan Komanwel tahun depan kita harus sentiasa berwaspada dan memastikan mulai sekarang tiada atlet atau pelawat ke Malaysia mendapat penyakit Hepatitis A kerana ia akan memberikan imej buruk kepada standard kesihatan negara ini," kata Perdana Menteri.

Semasa berucap pada jamuan amal sempena pelancaran Yayasan Hepar Malaysia di sini malam ini, Dr Mahathir berkata: "Saya mahu mengingatkan semua rakyat Malaysia terutama pengendali makanan supaya benar-benar bersih semasa mereka menyediakan makanan."

Yayasan itu yang didaftarkan tahun lepas, merupakan sebuah pertubuhan amal yang dibentuk untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai penyakit hati terutama hepatitis dan barah hati.

Dr Mahathir merupakan penaung yayasan itu.

Perdana Menteri sendiri yang merupakan doktor perubatan, berkata penyakit Hepatitis A boleh dijangkiti dengan memakan makanan atau meminum air yang telah dicemari dengan virus Hepatitis A.

"Kita boleh membantu perjuangan ini dengan mengelak daripada memakan kerang-kerangan mentah atau tidak cukup masak, salad dan sayuran mentah, air minuman yang tidak dirawat, ketulan ais dan susu mentah serta memelihara standard kebersihan diri yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata hepatitis, sejenis penyakit hati, merupakan satu masalah di Malaysia walaupun insiden keseluruhannya dilihat menurun dengan jumlah kes yang dilaporkan di hospital-hospital kerajaan -- turun 2,450 pada 1992 kepada 1,581 tahun lepas.

Katanya kes Hepatitis A yang dilaporkan di negara ini telah menurun sejak beberapa tahun ini dengan semakin meningkatnya kebersihan, bekalan air dan kebersihan diri.

Dalam kes Hepatitis B, walaupun insiden di Malaysia telah menurun sejak beberapa tahun ini, katanya, ia masih dianggap sebagai punca paling penting menyebabkan barah hati utama di rantau ini.

Dr Mahathir berkata barah hati, satu daripada 10 jenis barah utama yang dilaporkan di kalangan kaum lelaki Malaysia, boleh dipulihkan jika dikesan sejak awal. Bagaimanapun hingga 80 peratus pesakit barah hati di negara ini dikesan terlalu lewat untuk mendapatkan rawatan terutama disebabkan ia sukar dikesan pada peringkat awal.

Katanya yayasan itu yang berharap penyakit berkenaan dapat dibendung, ditubuhkan atas sebab-sebab seperti untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai tanda-tanda awal dan kemudahan diagnostik serta rawatan yang disediakan.

Dr Mahathir berkata terdapat sekurang-kurangnya 2,000 kes baru penyakit barah peringkat serius setiap tahun di Malaysia yang 10 peratus daripadanya memerlukan pembedahan hati.

Pembedahan hati merupakan satu-satunya cara untuk menyembuhkan penyakit barah hati yang serius.

Katanya memandangkan pendermaan organ agak lembab di Malaysia, MLF akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memulakan usaha aktif mendidik orang ramai mengenai pendermaan organ di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata melalui kerjasama rapat dengan mereka yang

menghidap penyakit hepar (hati), keluarga mereka dan rakan, kalangan profesional, pengamal perubatan dan ahli penyelidikan, yayasan itu dapat meningkatkan standard penjagaan kesihatan dan memperbaiki kualiti rawatan bagi penyakit berkenaan.

Perdana Menteri juga menarik perhatian tentang perlunya membuat pelaburan dalam penyelidikan asas dan klinikal sambil berkata "penyelidikan menawarkan harapan bagi masa depan dan kemungkinan pencegahan di samping menawarkan rawatan lebih baik setta mengubati penyakit hepar.

Pada majlis berkenaan, kira-kira RM2 juta telah dikumpulkan oleh yayasan itu.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng. -- BERNAMA

RAZ SK FAZ